



SIARAN AKHBAR

MESYUARAT APEC MENTERI-MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PERHUTANAN KALI KE-5 (THE FIFTH APEC MEETING OF MINISTERS RESPONSIBLE FOR FORESTRY) CHIANG MAI, THAILAND

Bandar Seri Begawan

Rabu, 26 Muharram 1444 / 24 Ogos 2022

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menghadiri Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bagi Menteri-Menteri yang Bertanggungjawab Terhadap Perhutanan kali ke-5 (MMRF5) secara maya pada hari Rabu, 24 Ogos 2022. Turut hadir, Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Perhutanan.

Mesyuarat MMRF kali ke-5 tersebut telah diadakan di Chiang Mai, Thailand dan dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Varawut Silpa-archa, Menteri Alam Sekitar dan Sumber-Sumber Asli Kerajaan Thailand.

Mesyuarat MMRF5 diadakan adalah bertujuan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat dalam menangani isu-isu serantau termasuk peningkatan liputan hutan, membanteras perdagangan produk-produk perkayuan dari hasil pembalakan haram dan mengurangkan kesan perubahan iklim terutama dalam era pasca COVID-19 ini.

Mesyuarat ini mengambil maklum akan tema APEC 2022 iaitu “**Open. Connect. Balance**” dan juga model ekonomi ‘**Bio-Circular-Green**’ yang diterapkan dan diintegrasikan dari tiga pendekatan ekonomi termasuklah melalui teknologi dan inovasi yang menghasilkan nilai, mengurangkan bahan buangan dan mempromosikan model perniagaan yang mampan.

Antara yang menjadi teras keutamaan APEC pada tahun ini, Menteri-Menteri Ahli Ekonomi APEC yang Bertanggungjawab Terhadap Perhutanan (MMRF) menekankan usaha-usaha secara global dalam menangani kesan perubahan iklim melalui peningkatan penyerapan karbon (*carbon sink*) dan mempercepatkan usaha-usaha di

dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDGs*).

Semasa pertemuan tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyatakan bahawa Pengurusan Hutan yang Lestari memainkan peranan yang amat penting didalam mengimbangi kepentingan hutan terhadap kepentingan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Yang Berhormat Menteri turut mengongsikan antara pelan tindakan Negara Brunei Darussalam di dalam memastikan hutan negara ini kekal utuh dan berdayatahan melalui rancangan penggazetan hutan sebagai hutan simpan negara dan beberapa program lain seperti aktiviti utama tahunan Jabatan Perhutanan seperti program-program yang diadakan bersempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun dan program penanaman pokok beramai-ramai (*mass tree planting*).

Negara Brunei Darussalam terang Yang Berhormat Menteri akan terus meningkatkan hubungan kerjasama rapat serantau APEC bagi sama-sama membincangkan dan menyelesaikan apa jua isu yang timbul bagi memastikan hutan kekal diurus secara mampan di rantau ini.

Mesyuarat juga mengetengahkan kepentingan perundangan yang mengawal aktiviti-aktiviti pembalakan dan juga perdagangan perkayuan dari sumber yang sah (*legal*) yang memenuhi piawaian pensijilan hutan (*Forest Certification*) bagi setiap ahli ekonomi APEC yang mana perkara ini adalah selaras dengan halatuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Akhir sekali, Menteri-Menteri dan Pegawai-Pegawai Kanan yang bertanggungjawab terhadap Perhutanan juga telah merakamkan penghargaan dan sokongan terhadap usaha dan penglibatan semua ekonomi APEC dan agensi-agensi yang berkepentingan di dalam pengurusan dan pemulihan hutan yang mampan dan di dalam menangani isu berkaitan hutan.

Disediakan oleh:

Jabatan Perhutanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.